

Interview Senior Report – Miss Syena Khalil



Minggu ini saya juga telah dapat menemubual salah seorang senior iaitu **Miss Syena Khalil**. Apa yang telah saya pelajari, dalam industri takaful ini, sebenarnya kita tahu apa masalah yang orang alami dalam kewangan dan kita ada *solution* untuk setiap masalah tersebut serta kita boleh aplikasikan ilmu tersebut di mana-mana kita berada. Bila *curiosity* kita tinggi terhadap sesuatu perkara itu, maka kita mesti akan cuba sesuatu untuk mencari jawapan untuk *curiosity* tersebut. Seperti pengalaman Miss Syena, beliau mula menceburkan diri dalam industri ini disebabkan rasa ingin tahu yang tinggi kerana apabila beliau bertanya kepada *family*, *family* juga tiada jawapan yang tepat mengenai apa itu *insurance/takaful*. Waktu paling sesuai untuk saya *approach* kawan-kawan adalah masa sekarang kerana mereka ada banyak masa terluang. Atleast mereka akan dapat *awareness* daripada kita walaupun mereka belum mampu untuk membeli. Tetapi apabila mereka telah ada *income* dan bekerja, berkemungkinan mereka akan cari kita untuk ambil takaful. Cabaran terbesar sebenarnya adalah diri kita sendiri. Bila kita usaha lebih maka kita akan dapat lebih. Bila kita buat sikit maka kita dapat sikit. Jadi, tiada siapa boleh ubah diri kita sendiri melainkan diri kita. Cabaran seterusnya ialah orang sekeliling iaitu klien. Kalau kita kena *rejection*, kita kena pandai *handle* kerana itu yang menunjukkan pada klien bahawa kita sedang cuba yang terbaik. Kalau klien bagitau mereka sudah ada takaful, *so try* untuk *review policy* takaful mereka untuk kita bantu mereka lebih faham mengenai apa yang mereka ada. Dekat *social media* pula, *mix* kan posting mengenai personal dan takaful bergantung pada *viewers*. *Try* untuk *create content* sendiri melalui aplikasi canva dan *post* di *social media* supaya *followers* kita tidak bosan dengan *posting* yang sama sahaja. Miss Syena seorang yang sangat peramah dan saya sangat suka mendengar perkongsian beliau. Banyak perkara yang telah beliau kongsikan dari segi pengalaman dan *skills*. Semoga semuanya bermanfaat untuk saya 😊